

SOALAN NO: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN SIM TZE TZIN

TARIKH: 17 MAC 2015

SOALAN:

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan susulan Kerajaan setelah barangan elektronik buatan Malaysia disenaraihitamkan sebagai barangan buatan buruh paksaan oleh Kerajaan Amerika Syarikat pada 1 Disember 2014. Nyatakan tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat yang menggunakan buruh paksaan dan ejen-ejen pekerja asing.

PR-1331-L66482

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sangat prihatin dengan tuduhan ini kerana boleh menjejaskan ekonomi Negara secara keseluruhannya. Oleh itu KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah dan sedang menjalankan

operasi bersepadu ke atas majikan-majikan sektor elektronik termasuk syarikat-syarikat *outsourcing* dalam sektor tersebut di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia sejak Disember 2014 hingga sekarang.

2. Sebanyak dua puluh lima (25) majikan sektor elektronik telah diperiksa dan mendapati tiada unsur-unsur buruh paksa berlaku di kesemua majikan berkenaan.

4. Dalam masa yang sama pihak kerajaan juga sedang giat menjalankan promosi bagi memberi kesedaran kepada pihak industri tentang isu buruh paksa ini.

5. Majlis Anti Pemerdagangan Orang (MAPO) dengan kerjasama JTKSM telah mengadakan tiga (3) sesi dialog yang dihadiri oleh satu ratus tiga puluh (130) majikan sektor elektronik. Dialog tersebut diadakan bagi tujuan untuk memberi kesedaran dan pemahaman terhadap isu-isu buruh paksa di kalangan pekerja asing, wanita dan kanak-kanak.

5. Pada masa yang sama, JTKSM turut mengedarkan Garis Panduan Indikator Buruh Paksa kepada majikan-majikan sektor elektronik bagi meningkatkan pengetahuan mengenai isu buruh paksa ini.